

CNS6890

U GB 27-01 00164 XB864

AAB

MAHATHIR PERSOAL MENGAPA ASIA TIMUR TIDAK BOLEH TUBUH PERUNDINGAN .
Mahathir - EAEC

SINGAPURA, 27 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan mengapakah negara di Asia Timur tidak dibenar menubuhkan sebuah perundingan ekonomi sedangkan kumpulan-kumpulan ekonomi yang kuat ditubuhkan di tempat-tempat lain untuk menjaga kepentingan serantau mereka.

Perdana Menteri Malaysia mengutarakan persoalan ini, nampaknya ditujukan kepada Pentadbiran Bush, semasa berucap pada majlis perasmian Sidang Kemuncak Asean Keempat di sini.

Semasa melawat Singapura awal bulan ini, Presiden Bush telah menyatakan bangkang terbuka negaranya terhadap penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang menurut Datuk Seri Dr Mahathir, merupakan pertemuan tidak rasmi negara-negara Asia Timur bagi tujuan perundingan dan mendapatkan kata sepakat untuk bercakap dengan satu suara pada persidangan-persidangan perdagangan antarabangsa.

Washington juga begitu aktif sekali memujuk Jepun, Korea Selatan dan Indonesia daripada menyokong EAEC.

Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi bahawa EAEC tidak akan menjadi satu blok perdagangan atau ekonomi. -- Lagi.

▼27/01/11-31MST

AAB

Mahathir - EAEC 2 Singapura

+Kami tidak faham mengapa kami tidak dibenar untuk berbincang antara satu sama lain ataupun memanggil diri kami rakyat Asia Timur.

+Adakah ini satu tanda awal Order Baru Dunia?+ beliau bertanya.

Katanya, penubuhan kumpulan-kumpulan ekonomi yang kuat untuk memperjuangkan kepentingan serantau telah menjadi satu kenyataan dalam kehidupan ekonomi antarabangsa.

+Perdagangan antarabangsa dan hubungan-hubungan ekonomi yang lain kini semakin diusahakan demi untuk memelihara kedudukan blok-blok perdagangan yang kuat,+ tambannya.

Beliau berkata, dalam dunia dengan penduduk dan negara-negara mengurus kegiatan mereka secara serantau, adalah tidak bersalahan bagi negara-negara Asia Timur untuk bersatu.

Beliau menegaskan: +Asia Timur ialah satu entiti geografi seperti juga Eropah atau Amerika. Begitu jugalah Asia Tenggara+. -- Lagi.

▼27/01/11-36MST

CNS6911

U GB 27-01 00186 XB866

AAB

Mahathir - EAEC 3 Singapura

Datuk Seri Dr Mahathir bertanya, apakah sebabnya negara-negara Asia Timur tidak boleh menubuhkan sebuah perundingan dan hidup bersama dengan pertubuhan lain di rantau Asia Pasifik jika Asia Tenggara boleh menubuhkan sebuah persatuan untuk memperoleh keuntungan bersama dan masih dapat menyesuaikan diri dengan anggota-anggota pertubuhan Asia Pasifik lain.

Beliau menjelaskan bahawa pengalaman Asean menunjukkan bahawa apabila negara-negara dalam satu kawasan serantau saling berunding dan bekerjasama serta bercakap dengan satu suara, status dan pengaruhnya semakin bertambah kukuh.

+Negara dan kumpulan lain sudah pasti tidak akan mengadakan dialog dengan setiap negara anggota secara berasingan. Bagaimanapun sebagai satu kumpulan mereka, tidak dapat tidak, akan berbuat demikian. Dan dalam proses ini kami telah memperoleh dan kemudian membangun lebih pesat daripada negara individu di rantau ini.+

Dalam konteks ini, katanya, mereka memerlukan sebuah Asean yang kukuh untuk membolehkannya menghadapi ketidakpastian baru dalam persekitaran Asia Pasifik yang lebih luas serta dunia yang semakin pesat berubah.

+Semasa berlakunya Perang Dingin kita semua ingin bebas daripada konflik yang menekan ini dan perbalahan. proksi dan perpecahan yang dihasilkannya. -- Lagi.

▼27/01/11-48MST

CNS6915

U GB 27-01 00053 XB867

AAB

Mahathir - EAEC 4 (Akhir) Singapura

+Kami di Asean kini berhak untuk menjadi lebih bebas memandangkan pihak kami yang menang. Bagaimanapun nampaknya, bahawa kita kini tidak sebebaskan dulu.

+Order Baru Dunia yang sedang direncanakan sebenarnya terlalu banyak halangan,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir,. -- Bernama.

▼27/01/11-49MST